

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 30 NOVEMBER 2016 (RABU)

✓ Sekat lesen niaga jika gagal bayar tunggakan ^{3dilihu} _{SA}

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bakal memperkenalkan satu sistem semakan berpusat pada Januari depan ke atas setiap permohonan lesen perniagaan yang baharu.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, sistem tersebut membolehkan pihak MBSA mengenal pasti individu atau syarikat yang gagal menjelaskan tunggakan kompaun dan sebagainya sebelum memohon.

"Isu ni timbul apabila ada yang tidak layak diberikan lesen tetapi permohonan mereka yang seterusnya berjaya diluluskan.

"Dengan sistem ni, pihak MBSA boleh semak sama ada permohonan ni ada tunggakan seperti tunggakan kompaun, sewa dan sebagainya. Mereka perlu jelaskan terlebih dahulu sebelum permohonan seterusnya dapat diteruskan," katanya dalam satu sidang media selepas Mesyuarat Penuh

MBSA di Wisma MBSA, semalam.

Sementara itu, Ahmad Zaharin turut meminta kerjasama orang ramai untuk mengambil peluang menjelaskan kompaun menerusi insentif diskaun 50 peratus yang disediakan MBSA.

"MBSA akan melaksanakan kempen Pengurangan Diskaun Siri 3/2016 sebanyak 50 peratus bermula 1 hingga 31 Disember ini.

"Tiada sebab masyarakat tak nak bayar kerana cara pembayaran dan insentif dah diberi dan sepatutnya ambil peluang untuk jelaskan," katanya.

Zahrin berkata, kaedah pembayaran kompaun tersebut diteruskan kerana ia memberi impak berkesan ke atas kutipan semula.

"Kempen ni dilaksanakan sebagai salah satu kaedah untuk kutip semula. Setakat ni, dua kempen yang dibuat sebelumnya sepanjang 2016 kita dapat pulangan lebih RM1 juta," katanya.



AHMAD ZAHARIN